



KULIM (MALAYSIA) BERHAD

POLISI KUALITI

KULIM komited, melalui usaha berpasukan, menjadikan kualiti sebagai salah satu faktor kejayaan berterusan kami dalam bisnes.

Kami percaya bahawa Kualiti adalah Peningkatan Berterusan yang dicapai melalui usaha bersama semua pekerja yang menginginkan kejayaan atas objektif yang dirancang dan bersama-sama bertanggungjawab menghasilkan produk sawit yang berkualiti.

Komitmen kami sebagai warga korporat yang bertanggungjawab adalah untuk memastikan aktiviti perniagaan perladangan kami dilaksanakan tanpa menjejaskan kualiti. Untuk merealisasikan ini, kami akan:

- ❖ Berusaha untuk terus memperbaiki prestasi kualiti kami dengan menggunakan Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM)
- ❖ Mewujudkan Polisi Kualiti sebagai rangka kerja untuk menetapkan dan mengkaji objektif kualiti
- ❖ Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan
- ❖ Memastikan pulangan yang sihat kepada pemegang saham dan memenuhi keperluan para pelanggan
- ❖ Mengekalkan tempat kerja yang selamat dan sihat untuk para pekerja dan mengekalkan industri perladangan sebagai perniagaan yang mesra alam
- ❖ Meningkatkan pengetahuan para pekerja secara berterusan melalui program taklimat, latihan dan kesedaran tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan kualiti
- ❖ Mendokumenkan, melaksanakan, mengekalkan dan menyampaikan Dasar Kualiti kepada semua kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan

Diluluskan Oleh:

ZULKIFLY ZAKARIAH

Pengarah Eksekutif

01 Mei 2018